



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PULAU PINANG)

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Pensyarah di **Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang)** bagi memenuhi Wawasan 2020 Negara.

### **JAWATAN : PENSYARAH UiTM (GRED DM45)/PENSYARAH KANAN (GRED DM51) /PROFESOR MADYA (GRED DM53) SECARA TETAP/KONTRAK**

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan  
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional

### **JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM**

### **JAWATAN : PENSYARAH UiTM (GRED DM45)/PENSYARAH KANAN (GRED DM51) /PROFESOR MADYA (GRED DM53) SECARA TETAP/KONTRAK**

<b>GRED GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>
<b>DM 45</b>	RM 2,878.00	RM10,075.00
<b>DM 51</b>	RM5,637.00	RM11,285.00
<b>DM 53 (Profesor Madya)</b>	RM5,922.00	RM11,955.00

**JAWATAN : PENSYARAH UiTM (GRED DM45)/PENSYARAH KANAN (GRED DM51)  
/PROFESOR MADYA (GRED DM53) SECARA TETAP/KONTRAK**

<b>GUGUSAN SAINS &amp; TEKNOLOGI</b>	
<b>FAKULTI</b>	<b>BIDANG</b>
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kuasa (Power)</li></ul>
Fakulti Kejuruteraan Kimia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kejuruteraan Kimia (Persekitaran) (Chemical Engineering (Environmental))</li></ul>
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	<ul style="list-style-type: none"><li>• Termobendalir (Thermofluids)</li><li>• Mekanik (Mechanic)</li></ul>
Jabatan Sains Komputer & Matematik	<ul style="list-style-type: none"><li>• Matematik (Mathematics)</li></ul>
<b>GUGUSAN PENGURUSAN &amp; PERNIAGAAN</b>	
Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Seni Kulineri (Culinary Art)</li></ul>

**Nota:**

Bagi bidang Kejuruteraan Kimia, keutamaan adalah diberi kepada calon-calon yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

**Syarat-syarat kelayakan:**

**A. PENSYARAH UiTM**

**1. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM45**

- (a) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan adalah pada Gred DM45: RM2,878.00);

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina **atau** Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau

(Gaji permulaan adalah pada Gred DM45: RM2,878.00);

- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan adalah pada Gred DM45: RM3,188.37);

- (b) Keujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## 2. **Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM51**

- (a)
  - (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan adalah pada Gred DM51: RM5,637.00);

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina **atau** Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau

(Gaji permulaan adalah pada Gred DM51: RM5,637.00);

- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan adalah pada Gred DM51: RM5,637.00);

- (b) Keujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

dan

- (c)
  - (i) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
  - (ii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun selepas memiliki kelayakan Ijazah Sarjana/Profesional; atau
  - (iii) Calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dan telah membentangkan kertas kerja sekurang-kurangnya sekali dalam persidangan dalam bidang pengajian boleh dipertimbangkan untuk dilantik terus ke Pensyarah Kanan Gred DM51.

### 3. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM53 (Profesor Madya)

- (a) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan adalah pada Gred DM53: RM5,922.00);

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina **atau** Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau

(Gaji permulaan adalah pada Gred DM53: RM5,922.00);

- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan adalah pada Gred DM53: RM5,922.00);

- (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

dan

- (c) (i) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (ii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dan telah memiliki Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

### 4. Calon hendaklah fasih berbahasa Inggeris (lisan dan tulisan).

#### PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**
2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui **Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan dengan salinan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemas kini.

3. Setiap permohonan mestilah disertai bersama salinan dokumen berikut yang telah disahkan:
  - **Kad Pengenalan**
  - **Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf**
  - **Diploma/Ijazah Sarjana Muda/Sarjana/PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)**
  - **Surat Pengesahan Perkhidmatan daripada majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji**
  - **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)**
4. Nama bidang dan fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
5. **Pemohon-pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas/Kelas Kedua Tinggi/yang setaraf diperingkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.**
6. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **tidak akan diproses.**
7. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
8. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

## PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang)** yang boleh didapati sendiri di **Bahagian Pentadbiran, Tingkat 9 Kompleks Perdana, UiTM (Pulau Pinang)** atau boleh juga diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM di <http://penang.uitm.edu.my/v2/>

Tarikh tutup permohonan adalah pada hari **ISNIN, 6 APRIL 2015.**

Sila kemukakan permohonan kepada:



  
**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

**Timbalan Pendaftar Kanan**  
**Bahagian Pentadbiran**  
**Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang)**  
**13500 Permatang Pauh**  
**Pulau Pinang**  
**No.Tel : (04) 3822859/3822856/3822700**  
**No.Faks : (04) 3822853**